

'Jangan tolak ansur budaya samseng'

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan (KPM), tidak berkompromi dengan budaya samseng, buli dan gangsterisme di institusi pendidikan masing-masing.

Bercakap dalam program Temu Anwar di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) semalam, Perdana Menteri memberi amaran perbuatan berlaku berlaku kerana ada pihak yang bersikap permisif dengan membenarkan ia terus berlaku.

Justeru, tegasnya isu berbangkit ini menjadi cabaran bukan sahaja di pihak kepimpinan tertinggi universiti, bahkan ia memerlukan perhatian dan tindakan holistik pihaknya serta kementerian berkaitan.

"Ia (pelaku) kelompok kecil bukan mewakili keseluruhan mahasiswa tapi budaya itu mengizinkan budaya samseng, buli, gangster dalam sistem pendidikan di sekolah kebangsaan, Cina, Tamil, Maahad Tahfiz dan sekolah agama.

"Ini adalah kegilaan. Kita cakap soal ilmu, kita tidak tahu

disiplin itu mendidik manusia. Darjat kemanusiaan dan ilmu itu penting kepada penghayatan. Ini cabaran bagi setiap pimpinan Naib Canselor, profesor dan pensyarah termasuk saya dan menteri.

"Jadi program pendidikan dan nilai mesti ditekankan. Ini kerana (ketika ini) kita ambil sikap permisif, mengalah dan bertolak ansur terhadap pembuli. Ia tidak boleh berlaku kalau budaya menolaknya.

"Saya beritahu kepada menteri pendidikan, jangan tolak ansur. (Saya) bagi amaran dan nasihat jangan tolak ansur sama sekali kerana tak nak berlaku (tindakan) secara terpisah kerana berlaku dalam budaya," katanya.

Turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Hadir sama Pengerusi Lembaga UPNM, Tan Sri Dr Syed Azman Syed Ibrahim dan Naib Canselor, Leftenan Jeneral Datuk Mardzuki Muhammad.

Mengulas lanjut, Perdana

Menteri menegaskan betapa mustahaknya untuk menghayati ilmu pengetahuan kerana beliau percaya ia dapat membentuk nilai, akhlak dan adab dalam kalangan masyarakat.

Tegasnya ini juga penting bagi melahirkan mahasiswa yang memiliki idea dan karakter kelas pertama.

Selain itu, dengan terbentuknya nilai, akhlak dan adab, Anwar menegaskan ia bukan saja memanfaatkan pelajar atau mahasiswa, bahkan berupaya melatih pemimpin untuk membugar sikap yang baik dalam memimpin sesebuah organisasi.

"Apa erti kepintaran, kemuliaan tanpa nilai, akhlak dan adab. Ia melatih pemimpin dunia yang korup, bodoh, tidak ada kemahiran pendidikan tetapi rendah akal budi dan nilainya.

"Ini termasuk sistemik dalam semua bidang termasuk dalam bidang ketenteraan, beli senjata, rundingan, tender, komisen dan sebagainya. Ini semua ada kaitan dengan nilai dan akhlak.

"Jadi cabaran anak adalah ke-

terampilan, kebijaksanaan dan tentunya nilai. Sebab itu kalau saya sering sebut dalam dialog dengan anak mahasiswa mengenai pendidikan, makrifah atau *wisdom* (kebijakan) hanya dengan pemupukan nilai.

"(Ini kerana) Ada pengetahuan membawa kebaikan dan kerosakan. Kebijakan (berada) atas sekali selari dengan apa yang dikatakan oleh Saidina Ali, bukan saja memekarkan pengetahuan tapi kebijakan yang diperlukan," katanya.

Kelmarin, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengesahkan ia sedang menyiasat kes seorang pegawai kadet di Akademi Latihan Ketenteraan (ALK), UPNM yang dipercayai menjadi mangsa buli dan dera penuntut senior.

ATM dalam kenyataan malam kelmarin berkata kejadian itu membabitkan pelajar kadet yang dibuli oleh seniornya menggunakan seterika yang ditekup di bahagian dada sehingga meninggalkan kesan lecur seperti yang tular menerusi media sosial.

Menurut kenyataan itu kes berkenaan sedang disiasat di peringkat ALK-UPNM.